



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.11/2022
PADA 23 NOVEMBER 2022 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sedar tidak sedar, kita sudah berada di bulan November 2022. Berbaki lagi sebulan lebih sahaja sebelum tahun 2022 melabuhkan tirainya. Pelbagai usaha dan gerak kerja yang telah MBS laksanakan sepanjang 11 bulan ini. Di samping usaha yang MBS telah jalankan semuanya bermula dengan komitmen yang unggul dan kerjasama berpasukan yang diberikan daripada setiap warga kerja MBS dan akhirnya dapat dibalas dengan kejayaan dan anugerah yang diraih MBS.
5. Anugerah dan pencapaian yang diperolehi di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Agensi ini merupakan suatu penghargaan dan penghormatan buat Majlis Bandaraya Seremban untuk terus berkhidmat selaras dengan Visi dan Misi MBS. Justeru pada pagi ini, saya ingin berkongsi 8 pencapaian dan anugerah yang telah MBS perolehi selama 11 bulan pada tahun 2022, yang merupakan pencapaian kita bersama.

**PERTAMA : ANUGERAH KHAS PIHAK BERKUASA TEMPATAN
PRIHATIN SEMPENA SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

6. Pada 26 Januari 2022, MBS telah menerima Anugerah Khas Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Negeri Sembilan anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan.

Antara kriteria penilaian bagi anugerah tersebut adalah penyediaan kemudahan awam dan persekitaran mesra OKU berdasarkan konsep reka bentuk, aplikasi dan peruntukan undang-undang di bawah peranan dan tanggungjawab PBT yang melibatkan OKU, perancangan dan pembangunan yang mengambil kira keperluan OKU. MBS sentiasa berusaha untuk memberi kemudahan yang terbaik supaya kemudahan infrastruktur dapat dinikmati bersama oleh semua golongan masyarakat terutamanya golongan OKU.

**KEDUA : BANDAR BAHAGIA 2021 SEMPENA HARI
KEBAHAGIAAN SEDUNIA 2022**

7. Sempena Hari Kebahagiaan Sedunia peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 22 Mac 2022, MBS telah dianugerahkan sebagai Bandar Bahagia 2021 melalui penetapan, peranan dan fungsi bandar Seremban sebagai pusat pentadbiran negeri. Negeri Sembilan turut menjadi antara Negeri Paling Bahagia pada tahun 2021.

KETIGA : SIJIL PENGHARGAAN SEBAGAI RAKAN BLUEPRINT NEGERI SEMBILAN BERSIH

8. Pada 25 Mac 2022, telah diadakan Majlis Pelancaran BLUEPRINT NEGERI SEMBILAN BERSIH - SWCorp BERSAMAMU. MBS telah menerima sijil penghargaan sebagai Rakan Blueprint Negeri Sembilan Bersih bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan Negeri Sembilan seterusnya kerjasama yang baik antara pelbagai agensi.

KEEMPAT : ANUGERAH PENGHARGAAN FLORIA GARDEN AWARD BAGI KATEGORI KERAJAAN & KERAJAAN KORPORAT

9. Majlis Bandaraya Seremban berjaya merangkul dua anugerah iaitu tempat ke 3@bronze bagi *Government Sector* dari 7 agensi kerajaan yang bertanding dan anugerah *President's Garden Award* pada Festival Floria Putrajaya yang telah berlangsung pada 29 Ogos 2022 sehingga 11 September 2022.

KELIMA : MALAYSIA GOLD AWARD TOURISM PROMOTION EVENT 2022

10. Pada 25 Oktober 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima anugerah Gold Award Tourism Promotion Event yang telah disampaikan oleh YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, Timbalan Menteri Pelancongan Sarawak serta YB Dato Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan Seni & Budaya Malaysia di Borneo Convention Centre Kuching

KEENAM : ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH DAN SIHAT PERINGKAT NEGERI & KEBANGSAAN

11. Majlis Bandaraya Seremban telah merangkul dua anugerah Medan Selera Bersih dan Sihat Peringkat Negeri Sembilan pada 17 Julai 2022 iaitu Johan bagi Medan Selera Penghulu Cantik dan Naib Johan bagi Medan Selera Tiara Biz. Pada masa yang sama, Medan Selera Penghulu Cantik turut berjaya mendapat tempat ketiga di peringkat kebangsaan yang berlangsung pada 28 Oktober 2022 yang lalu.

KETUJUH : ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU (AKH) 2022 DALAM KATEGORI PERUMAHAN BERTANAH

12. Tahniah diucapkan kepada Kebun Komuniti Suria Residences Perdana College Heights, Pajam kerana telah berjaya meraih tempat ketiga Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2022 dalam Kategori Perumahan Bertanah sempena Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2022 yang telah diadakan pada 8 November 2022. Inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan penghargaan-penghargaan seperti ini, akan menggalakkan lagi komuniti-komuniti di Bandar Seremban untuk membangunkan kebun-kebun komuniti di lokaliti masing-masing. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Perancangan Pembangunan turut mengalukan-alukan penyertaan dan akan membantu dari segi senarai semak permohonan Program Kebun Komuniti MBS.

KELAPAN : KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT UITM 2022

13. Kumpulan V-Community daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan telah menerima 3 Anugerah sempena Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2022 yang berlangsung pada 10 November 2022.
 - I. Anugerah KIK Hybrid Terbaik Inovasi Sosial
 - II. Anugerah Penjanaan Pendapatan Sebenar Terbaik
 - III. Anugerah KIK Inovasi Sosial Kategori Penciptaan
14. Semangat dan komitmen semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam menjayakan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.
15. Saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban akan terus menggembungkan usaha bersatu dan bekerjasama bagi meraih lagi anugerah-anugerah pada masa akan datang dan membawa nama MBS di peringkat tertinggi pada masa akan datang. *In shaa allah.*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN GERAI

16. Operasi Kaunter Bergerak kutipan Cukai Taksiran pintu ke pintu telah diadakan pada 8 & 22 Oktober 2022 di Taman Tuanku Jaafar dan Taman Lavender Heights. Untuk makluman, ini merupakan aktiviti berkala Jabatan Kewangan MBS bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan penduduk Seremban. Jumlah kutipan mulai 8 Januari 2022 sehingga 31 Oktober 2022 adalah sebanyak **RM 243,789.88**
17. Jabatan Kewangan MBS juga telah mengadakan kutipan kaunter bergerak bagi sewaan gerai dan pasar pada 8, 12, 17 dan 22 Oktober 2022 di beberapa kawasan gerai di Rasah, Seremban dan Nilai. Jumlah kutipan mulai Januari 2022 sehingga 31 Oktober 2022 adalah sebanyak **RM 211,140**
18. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban turut telah membuka Kaunter Pertanyaan & Bayaran Cukai Taksiran & Kompaun di Masjid Dato Klana Petra Lela Mohd Yusof sempena Sambutan Maulidur Rasul pada 9 Oktober 2022.

19. Sebagai inisiatif baru, MBS ada memasang *signage* “**QR Code**” di pasar dan gerai seliaan Majlis. Ianya bertujuan agar penyewa dapat membuat semakan bil sewaan dan bayaran secara online. Terdapat 12 lokasi pasar dan 44 lokasi gerai kawasan Seremban dan Nilai yang dicadangkan dalam tindakan untuk pemasangan QR Code ini.

Sumber: Jabatan Kewangan

YBhg. Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

20. Untuk makluman para ahli mesyuarat sekalian, sehingga 29 Oktober 2022, Majlis telah menjalankan pelbagai aktiviti kesihatan persekitaran. Antaranya adalah seperti berikut :-
- I. Kawalan *fogging* sebanyak 53,797 buah premis,
 - II. ULV 95,399 buah premis,
 - III. *Larvaciding* dan *source reduction* di 85 lokaliti
 - IV. Gotong royong di 105 taman perumahan serta sebanyak
 - V. 426 aktiviti sanitasi dan 512 disinfeksi.
22. Maklumat terkini bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale sehingga 16 November 2022, merekodkan sebanyak 287 kematian biasa dan 528 kematian covid-19. Manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 153 kematian biasa dan 23 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 pula sebanyak 349 kematian biasa direkodkan bagaimanapun bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai yang terletak di Sungai Mahang sehingga 24 Oktober 2022 tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.

23. Dalam hal yang berkaitan, MBS telah menerima satu lawatan kerja daripada Jabatan Kesihatan & Persekutaran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada 9 November 2022. Lawatan kerja bertujuan untuk mendapatkan maklumat kaedah penangkapan haiwan merayau, sistem kutipan sampah rumah ke rumah dan pembersihan kawasan yang dilaksanakan oleh MBS. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Lotffee bin Haji Abdullah, Pengarah JPKP dan wakil daripada Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS.
24. Mesyuarat juga dimohon untuk mengambil maklum, Kawasan Perindustrian Batu 8 Mantin pada 10 November 2022, sekali lagi telah dilanda banjir kilat 10 November 2022. Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutaran telah menjalankan menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas akibat banjir lumpur ini Bagi tindakan pencegahan masa pendek, Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan akan meletakkan guni pasir penahan air bagi mencegah banjir terus berlaku di kawasan tersebut. Dijangka kerja-kerja ini akan siapa pada pertengahan disember 2022.

Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran

KUNJUNGAN DELEGASI ROYAL COMMONWEALTH SOCIETY ASIA REGIONAL KE WISMA MBS

25. Untuk makluman mesyuarat, pada 17 November yang lalu kita telah menerima kunjungan daripada Royal Commonwealth Society Asia Regional. Ini adalah merupakan lawatan pertama daripada delegasi luar negara ke MBS selepas pandemik. Pelbagai perkara telah dibincangkan termasuk cadangan mengadakan momerandum persefahaman dengan RCS berkaitan dengan perkongsian maklumat penyelesaian masalah pembandaran. Sehubungan dengan itu, saya minta Ketua Unit Komunikasi Korporat untuk susul perkara ini dengan RCS supaya kita dapat menandatangani momerandum tersebut pada tahun 2023.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga bandaraya Seremban yang telah keluar mengundi pada 19 November yang lalu bagi meraikan demokrasi Negara. Wisma MBS telah dijadikan tempat bagi proses penamaan calon dan pusat penjumlahan rasmi undi bagi Parlimen Seremban P128. Saya selaku Pegawai Pengurus P128 Seremban ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT, bermula daripada hari penamaan calon sehingga di hari pengiraan undi rasmi semuanya telah berjalan lancar seperti yang telah diaturkan. Terima kasih kepada semua petugas-petugas serta pihak SPR yang bertungkus lumus dalam menjalankan tugas.

26. Saya dikesempatan ini juga ingin mengingatkan agar semua Ketua Jabatan & Ketua Unit MBS sentiasa bersedia dalam sebarang kebarangkalian yang akan berlaku, seperti bencana banjir dan tanah runtuh seperti yang dilaporkan oleh Angkatan Pertahanan Awam selaku Sekretariat Bencana Daerah Seremban. Saya mohon agar pasukan task force MBS sentiasa siap siaga bagi menghadapi kebarangkalian bencana yang akan berlaku. Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan MBS dipohon untuk menjalankan tugas penyelarasan pasukan task force agar setiap bencana diambil tidakan oleh jabatan-jabatan berkaitan. Semua maklumat yang disalurkan oleh Ahli Majlis perlulah disenaraikan bersama dengan maklumbalas tindakan yang telah diambil oleh Jabatan.
27. Akhir kata, semoga segala usaha Majlis laksanakan bagi membangunkan dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada warga bandar raya terus dipermudahkan bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Sekian, terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
23 NOVEMBER 2022**